

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]
TARIKH :
SOALAN :**

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan tarikh dijangka siap Hospital Daerah Dungun serta bila akan mula beroperasi dan laporan kemajuan pembinaan sehingga 30 September 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Hospital Dungun, Terengganu dengan kapasiti 110 katil sedang giat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Agensi Pelaksana. Kontraktor yang dilantik telah memasuki tapak pada 23 Februari 2016 dan projek dijangka siap pada 22 Februari 2019 dengan tempoh pembinaan selama 36 bulan.

Kemajuan kerja Kontraktor sehingga 30 September 2017 adalah 20 peratus sebenar berbanding jadual 20 peratus iaitu menepati sasaran unjuran kemajuan kerja yang telah ditetapkan oleh JKR.

Pihak Kementerian dan JKR sentiasa memantau dengan rapi perkembangan projek ini agar pembinaan Hospital Dungun akan dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan.